

Headline	Bawang percuma di Pasar Tani Kuala Ping		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	16 Apr 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,583
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,749



Bawang percuma di Pasar Tani Kuala Ping



Suasana sewaktu agihan bawang secara percuma bagi harga pengunjung setia.

KUALA PING - Kira-kira 200 kilogram (kg) bawang merah dan bawang besar berjaya di-agihkan secara percuma di Pasar Tani Kuala Ping dalam tempoh lebih kurang 20 minit.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Daerah Hulu Terengganu, Mohd Zulkhairi Razak berkata, agihan percuma itu merupakan salah satu inisiatif Fama menghargai pengunjung setia pasar tani.

"Agihan bawang secara percuma ini di bawah Program Galakan Pengunjung bertujuan bagi harga pelanggan yang setia dan tidak jemu-jemu jadikan pasar tani sebagai pilihan dapatkan barangan keperluan dengan harga berpatutan.

"Bulan lepas, kita telah adakan program sama tetapi pendekatan lain sedikit iaitu secara potongan harga ayam, RM1/kg. Sedikit-sebanyak, kita dapat membantu ringankan lagi perbelanjaan pengunjung.

"Program ini akan diteruskan setiap kali operasi dengan produk berlainan dan yang menjadi fokus utama ialah bagi produk-produk tersenarai bagi Program Jimat Belanja Dapur (JBD)," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, Program JBD memberi peluang kepada pengunjung dapatkan barangan keperluan pada harga lebih rendah iaitu penjimatan lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

Katanya, antara produk tersenarai ialah sayur kubis, tomato, lobak, cili, bawang serta ayam standard dan orang ramai boleh dapatkan barangan dengan harga yang lebih murah.

Untuk info, jumlah keseluruhan peniaga di Pasar Tani Kuala Ping yang beroperasi di Dataran Kuala Ping ialah seramai 34 orang dan kuasa beli di pasar tani ini antara yang tertinggi bagi daerah ini selain Pasar Tani Kuala Berang.